

USIM optimis lebih 20,000 bakal kunjungi Pesta Konvokesyen Ke-11

SEREMBAN 28 Nov. - Jalanan kerjasama antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kumpulan Utusan bagi menganjurkan Pesta Konvokesyen USIM Ke-11 yang masuk siri ketiga dijangka mampu menarik kehadiran melebihi 20,000 pengunjung.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, kerjasama itu merupakan peluang keemasan sekali gus mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak.

Katanya, jalinan kerjasama ini diteruskan bukan sahaja dari segi kejayaan pelaksanaannya, malah disebabkan USIM dan Kumpulan Utusan berkongsi agenda dalam memartabatkan perjuangan agama, bangsa dan negara.

"Saya dimaklumkan bahawa pesta konvokesyen kesembilan dan ke-10 telah membawa impak dan kejayaan melalui kerjasama ini, di mana hampir 15,000 hingga 20,000 pengunjung hadir memeriahkan pesta ini," katanya dalam majlis Pra-Pelancaran Pesta Konvokesyen USIM Ke-11 di USIM, Nilai, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran/Pengedaran Utusan Melayu (M) Bhd., Hasmadi Hassan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Jelas Asma, meskipun sasaran untuk mencapai melebihi 20,000 pengunjung hadir ke pesta konvokesyen kali ini dianggap sebagai cabaran besar, namun beliau yakin mampu dicapai.

"Saya yakin kerjasama ini akan

Pesta KONVO
Utusan Mingguan USIM
kali ke-11, 2013

menarik kehadiran pengunjung bukan sahaja dari warga universiti, ahli keluarga malah penduduk sekitar kawasan Nilai melalui penyediaan pelbagai aktiviti menarik.

"Pesta selama empat hari ini bertempat di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM bermula 28 hingga 1 Disember ini," ujarnya.

Tambahnya lagi, tahun ini turut menyaksikan pertambahan bilangan acara seperti pentas dan persembahan, santai selebriti, sudut kanak-kanak, riadah dan rekreasi serta pameran dan jualan.

"Bagi memeriahkan lagi sambutan pesta ini, lebih 100 gerai jualan akan dibuka kepada para pengunjung.

"Antara aktiviti menarik yang turut disediakan adalah menerusi penganjuran pertandingan memancing di tasik USIM dan saya amat berbesar hati sekiranya Kumpulan Utusan dapat mempopularkan tasik berkenaan sebagai destinasi rekreasi kepada umum khususnya penduduk sekitar," katanya.

Pada majlis tersebut, Asma turut melepaskan hampir satu tan ikan induk jenis keli dan patin yang bakal menanti kaki pancing sempena Pertandingan Memancing Pesta Konvokesyen USIM Ke-11 tersebut pada 1 Disember.



ASMA Ismail (dua dari kiri) bersama Hasmadi Hassan (tengah) dan Mohamed Asin Dollah (dua dari kanan) melepaskan ikan keli bagi pertandingan memancing Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-11 pada 1 Disember ini di USIM, Nilai, Seremban, semalam.